

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

ATP200: Prinsip-Prinsip Kewangan

Tarikh: 8 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

Jawab LAPAN soalan. Pilih TIGA soalan dari Bahagian A dan jawab SEMUA soalan dari Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Apakah belanjawan modal? Bagaimana perbelanjaan modal berkaitan dengan proses belanjawan modal? Adakah semua perbelanjaan modal dianggap aset tetap? Terangkan.

(10 markah)

2. Takrifkan dan bezakan di antara setiap daripada set istilah belanjawan modal berikut:

- (a) bebas lawan projek eksklusif bersilang
- (b) dana tidak terhad lawan pencatuan modal
- (c) terima-tolak lawan pendekatan susunan
- (d) konvensional lawan aliran tunai tidak konvensional
- (e) anuiti lawan aliran tunai bercampur

(10 markah)

...2/-

[ATP 200]

3. Walaupun terdapat belanjawan tunai bulanan, syarikat kebiasaannya tidak dapat memastikan yang ianya dapat menyelesaikan obligasi kewangannya. Apakah tindakan atau analisa selain daripada penyediaan belanjawan tunai yang anda akan usahakan bagi menentukan tunai akan tersedia ada apabila diperlukan?

(10 markah)

4. Apakah nisbah harga-perolehan? Bagaimana peserta pasaran selalu menggunakannya bagi menilai risiko syarikat. Adakah nisbah harga-perolehan sebenarnya pengukur keuntungan?

(10 markah)

BAHAGIAN B

5. Perbadanan Au Thin, Thavasakayam dan Bakhori berpendapat keperluan semusim tahun depan adalah seperti berikut:

<u>Bulan</u>	<u>Keperluan semusim</u>
Januari	\$4,800,000
Februari	1,000,000
Mac	0
April	600,000
Mei	2,400,000
Jun	2,000,000
Julai	1,600,000
Ogos	800,000
September	0
Oktober	600,000
November	2,000,000
Disember	3,600,000

Dengan menganggarkan keperluan dana kekal \$10 juta, kira jumlah kos pembiayaan rancangan agresif dan konservatif dalam keadaan berikut:

- (a) kos dana jangka pendek 12% dan kos jangka panjang 18%.
(b) kos dana jangka pendek 13% dan kos jangka panjang 16%.
(c) kedua-dua kos jangka pendek dan jangka panjang 15%.

(10 markah)

...3/-

[ATP 200]

6. Syarikat Abu Bakar dan Anak-Anak membayar sipiutangnya pada hari ke 15 selepas belian, sementara pelanggan-pelanggannya membayar purata 40 hari selepas jualan. Purata umur inventori 50 hari dan pengeluaran bayaran tahunan purata \$28 juta dalam setahun. Sekiranya syarikat boleh menangguh bayaran kepada sipiutangnya selama 15 hari lagi dan mendapat hasil 14% atas dana yang sediada, berapa banyak yang syarikat boleh memperolehi daripada rancangan ini? Anggarkan diskaun tidak terjejas, setahun ada 360 hari.

(10 markah)

7. Syarikat Losyen Chong Lai Wah (SLCLW) menggunakan 125,000 gelen minyak khas setiap tahun. Kos pentadbiran adalah \$100 bagi setiap pesanan dan \$1.00 segelen bagi menyimpan minyaknya. SLCLW menggunakan minyak sama rata keseluruhan tahun.

- (a) Kira pesanan kuantiti ekonomik.
- (b) Tentukan jumlah kos yang diperolehi daripada pesanan kuantiti ekonomik.
- (c) Tentukan bilangan pesanan setahun
- (d) Sekiranya masa pesanan hingga penghantaran 30 hari, apakah puncak pesanan semula.
- (e) Sekiranya paras selamat adalah 500 gelen, apakah puncak pesanan semula dan berapa yang SLCLW akan pesan setiap kali?

(10 markah)

8. Perbadanan Lai Yoke Heng (PLYH) ingin menyediakan perancangan kewangannya. Dengan menggunakan penyata-penyata kewangan dan maklumat-maklumat berikut:

- (a) Sediakan penyata pendapatan proforma bagi tahun 1988.
- (b) Sediakan kunci kira-kira proforma dengan menggunakan
 - (i) pendekatan peratusan jualan dan
 - (ii) pendekatan judgmental untuk tahun 1988.

...4/-

[ATP 200]

- (c) Bincangkan keperluan dana luar yang diperolehi selepas dibuat analisa ke atas penyata-penyata tadi.

Perbadanan Lai Yoke Heng
Penyata Pendapatan bagi Tahun berakhir 31 Disember 1987

Jualan	\$800,000
Tolak: Kos Barang Dijual	600,000

Keuntungan kasar	\$200,000
Tolak: Belanja Kendalian	100,000

Perolehan sebelum cukai	100,000
Tolak: Cukai (40%)	40,000

Pendapatan Bersih	60,000
Tolak: Dividen Tunai	20,000

Ke perolehan diempang	\$ 40,000
	=====

Perbadanan Lai Yoke Heng
Kunci Kira-Kira
31 Disember 1987

Aset

Tunai	\$ 32,000
Sekuriti-Boleh Pasar	18,000
Akaun Belum Terima	150,000
Inventori	100,000

Jumlah Aset Semasa	\$300,000
Aset Tetap Bersih	350,000

	\$650,000
	=====

...5/-

Liabiliti Dan Ekuiti Pemegang Saham

Akaun belum Bayar	\$100,000
Cukai belum Bayar	20,000
Lain-Lain Liabiliti	5,000

Jumlah Liabiliti Semasa	\$125,000
Pinjaman Jangka Panjang	200,000
Saham Biasa	150,000
Perolehan Tertahan	175,000

	\$650,000
	=====

Maklumat kewangan berikut juga terdapat berkaitan Perbadanan Lai Yoke Heng (PLYH).

1. Anggaran jualan bagi 1988 adalah sebanyak \$900,000.
2. PLYH menjangkakan membayar dividen tunai sebanyak \$35,000 dalam 1988.
3. PLYH ingin mengandakan baki tunai minima \$30,000.
4. Akaun Belum Terima merupakan lebih kurang 18 peratus jualan tahunan.
5. Inventori akhir PLYH akan berubah mengikut perubahan jualan dalam 1988.
6. Sebuah mesin baru berharga \$42,000 akan dibeli dalam 1988. Jumlah susutnilai bagi 1988 akan menjadi \$17,000.
7. Akaun Belum Bayar akan berubah mengikut perubahan jualan dalam 1988.
8. Cukai Belum bayar adalah 1/4 cukai penyata pendapatan proforma.
9. Sekuriti Boleh Pasar, lain-lain liabiliti semasa, pinjaman jangka panjang dan saham biasa tidak berubah.

(20 markah)

...6/-

[ATP 200]

9. Syarikat Hajah Zaiton Mahad
Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1987

Jualan	\$1,200,000*
Kos Barang Dijual	300,000

Keuntungan Kasar	\$ 300,000
Belanja Kendalian	
Belanja kendalian tunai berubah	84,000
Belanja kendalian tunai tetap	30,000
Susutnilai	60,000

Jumlah belanja kendalian	\$ 174,000

Pendapatan sebelum faedah dan cukai	126,000
Faedah	39,600

Pendapatan sebelum cukai	86,400
Cukai (50%)	43,200

Pendapatan Bersih	\$ 43,200
	=====

* termasuk 60 peratus jualan kredit.

...7/-

[ATP 200]

Syarikat Hajah Zaiton Mahad
Kunci Kira-Kira Syarikat pada 31 Disember

	<u>1986</u>	<u>1987</u>
<u>Aset</u>		
Tunai	\$ 50,000	\$ 10,000
Akaun belum Terima	100,000	120,000
Inventori	150,000	150,000
	-----	-----
Jumlah Aset Semasa	\$300,000	\$280,000
	-----	-----
Loji dan kelengkapan	1,200,000	1,480,000
Tolak: Susutnilai	(500,000)	(560,000)
	-----	-----
Jumlah Aset Tetap	700,000	920,000
	-----	-----
Jumlah Aset	1,000,000	1,200,000
	=====	=====
 <u>Liabiliti dan Ekuiti Pemegang Saham</u>		
Akaun Belum Bayar	\$ 40,000	\$ 42,000
Nota jangka pendek	50,000	224,000
Perbelanjaan Terakru	20,000	24,000
	-----	-----
Jumlah Liabiliti Semasa	\$110,000	\$290,000
	-----	-----
Pinjaman jangka panjang	200,000	200,000
Saham biasa (\$10 nilai tara)	200,000	200,000
Modal lebihan	490,000	510,000
	-----	-----
Jumlah liabiliti dan ekuiti pemegang saham	\$1,000,000	\$1,200,000
	=====	=====

...8/-

Nisbah Purata Industri

<u>Nisbah</u>	<u>Industri**</u>
Nisbah semasa	3.50 kali
Nisbah ujian asid	1.50 kali
Tempoh purata kutipan	60 hari
Pusing ganti inventori	5.00 kali
Pusing ganti aset tetap	1.43 kali
Pusing ganti jumlah aset	1.00 kali
Nisbah hutang	45.0 peratus
Nisbah kali faedah diperolehi	4.10 kali
Margin keuntungan kasar	25.0 peratus
Margin keuntungan bersih	4.0 peratus
Pulangan atas jumlah aset	4.0 peratus
Pulangan atas ekuiti pemegang saham	7.0 peratus

** Kesemua nisbah berdasarkan ke atas 360 hari setahun.

- (a) Dengan menggunakan analisa nisbah-nisbah dan penyata sumber dan penggunaan dana, terangkan kedudukan kewangan Syarikat Hajah Zaiton Mahad.
- (b) Berdasarkan ke atas analisa anda tadi bahagian manakah daripada operasi syarikat yang memerlukan perhatian lebih? Terangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengelakkannya berlaku lagi, pada tahun-tahun yang akan datang.

(20 markah)